

Analisis Asal Kata *B-R-K* (ب ر ك) Dan Derivasinya Dalam Syair Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani

Analysing the Origin of the Word B-R-K and its Emotology in the Poetry of Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani

Muhammad Irfan Bin Mhd Rusdi¹, Aula Nabilah Binti Janudin²

^{1&2} Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA

¹ irfanrusdi@uitm.edu.my

² aulanabilah@gmail.com

Article history:

Received: 28 March 2023

Accepted: 15 April 2023

Published: 1 June 2023

Abstrak

Kajian ini membincangkan asal kata *b-r-k* (ب ر ك) dan kata derivasinya dalam syair Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani yang dianalisis menggunakan pendekatan analisis wacana. Tujuan analisis adalah untuk mengetahui fungsi atau makna derivasi dalam perenggan. Kajian diterhadkan kepada syair Imam Al-Jazūli daripada kitab *Dalā'il al-Khayrāt*. Persoalan dalam kajian ini ialah: 1) Apakah derivasi kata "*b-r-k*" dalam syair Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani? 2) Apakah maksud asal kata "*b-r-k*" dan derivasinya dalam syair Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani? Kajian menggunakan kaedah deskriptif kualitatif. Pengkaji menghuraikan maksud "*b-r-k*" dan terbitannya bagi ahli bahasa, kemudian mengklasifikasikan makna yang berbeza bagi semua kata dalam buku yang dipilih. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat 4 jenis derivasi mengikut pola dasarnya, iaitu : 1) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فاعل, 2) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تفاعل, 3) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فاعلة, 4) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* مفاعل.

Kata kunci: *berkat, b-r-k, derivasi kata, Dalā'il al-Khayrāt*

Abstract

This study discusses the meaning of the origin of word "b-r-k" and its derivation in the poem of Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani, which is analyzed using discourse analysis approach. The purpose of the analysis is to find out the function or meaning of the derivation in the paragraph. The study was limited to the book Dalā'il al-Khayrāt by Imam al-Jazouli. The questions in this study are: 1) What are the derivation of the word "b-r-k" in the book Dalā'il al-Khayrāt? 2) What is the meaning of the origin of word "b-r-k" and its derivation in the book Dalā'il al-Khayrāt? The study used the qualitative descriptive method. The researcher described the meaning of the word "b-r-k" and its derivation for linguists, then classified the different meanings of all the words in the chosen book. The results show that there are 4 types of derivation according to the Arabic verb forms, namely: 1) Derivation of b-r-k on wazn فاعل 2) Derivation b-r-k on wazn تفاعل 3) Derivation b-r-k on wazn فاعلة 4) Derivation b-r-k on wazn مفاعل.

Keywords: *blessing, b-r-k, word derivation, Dalā'il al-Khayrāt*

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang luar biasa dan istimewa kerana ia mempunyai ciri-ciri yang tidak terdapat pada kebanyakan bahasa lain di dunia (Said, 2021). Salah satunya adalah sistem derivasi iaitu pecahan kata atau pembentukan kata. Ia dinamakan *al-ishtiqāq* di dalam bahasa Arab. Menurut ahli bahasa, derivasi kata Arab adalah suatu proses pembentukan kata baharu yang dikembangkan dari satu kata dasar dengan tujuan pengembangan maksud asal kepada maksud baharu yang berkaitan (Hanif, 2016). Sistem ini

merupakan sistem yang terpenting kerana ia merupakan salah satu kaedah utama dalam pembentukan kata Arab tertentu. Ilmu ini telah banyak di kaji dalam kalangan para ilmuwan terdahulu seperti Imam Al-Zajjāj, Imam Ibnu Ad-Durayd, Al-Akhfasy, Ibnu Jinnī dan ramai lagi. Imam Zajjāj dan Imam Ibnu Ad-Durayd serta beberapa ilmuwan lain membahagi derivasi kepada dua bentuk, iaitu *al-ishtiqāq al-aṣghar* dan *al-ishtiqāq al-kabīr* (Hanif, 2016). Namun pada perbincangan kajian ini hanya difokuskan tentang *ishtiqāq al-aṣghar* sahaja. Justeru, artikel ini bertujuan mengkaji penelitian terhadap salah satu sistem pembentukan kata dalam kosa kata Arab *al-ishtiqāq* melalui penggunaan asal kata *b-r-k* di dalam syair Imam Al-Jazūli.

Maka, pengkaji telah memilih kitab syair Imam Al-Jazūli berkaitan selawat, iaitu pada kitab selawat Dalā'il al-Khayrāt supaya tidak hanya terhad kepada kajian buku-buku teks yang formal sahaja tetapi untuk meluaskan lagi perbincangan *al-ishtiqāq*. Di samping meningkatkan pengetahuan kosa kata melalui perbincangan ilmu *al-ishtiqāq* ini, selawat yang telah dikumpul oleh Imam Al-Jazūli ini dapat diamalkan dengan kefahaman yang mendalam. Hal ini juga kerana, umat Islam telah diterapkan sejak kecil supaya sentiasa berusaha mendekati diri kepada Allah SWT. Banyak amalan yang disarankan termaktub dalam Al-Quran dan As-Sunnah sebagaimana yang diajarkan Nabi Muhammad ﷺ kepada para sahabat, dari para sahabat ke para tabiin dan seterusnya sampai ke generasi hari ini, amalan-amalan tersebut adalah seperti zikir harian, tahlil, berpuasa, bersedekah, berselawat dan banyak lagi. Malah jika sesuatu amalan itu terlebih dahulu dimulakan dengan niat kerana Allah SWT, akan dicatatkan sebagai amalan dan mendapat pahala di sisi-Nya di samping menentukan tujuan amalan yang akan dilakukan. Sebagaimana hadis Nabi ﷺ dalam bab niat:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ
إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مِمَّا نَوَىٰ

Terjemahan: Dari Amirul Mukminin Abu Hafsh, Umar bin Al-Khattab RA, ia merekodkan:
“Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: “Segala amal itu bergantung pada niatnya, dan setiap orang hanya mendapatkan apa yang diniatnya”.

(HR al-Bukhari No: 1907)

Sepertimana yang diketahui oleh para muslim, antara amalan yang mengandungi banyak keistimewaan adalah selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ. Ia merupakan ibadah yang agung selain kewajipan-kewajipan yang perlu dilaksanakan oleh seseorang yang bergelar muslim. Oleh sebab itu, seiring perkembangan bahasa dan zaman, terdapat pelbagai bentuk selawat memuji Nabi Muhammad ﷺ. Dasar perintah untuk melaksanakan selawat dijelaskan dalam Al-Quran surah Al-Ahzāb ayat 56. Allah SWT berfirman:

(56) إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad ﷺ); wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

Maka, banyak kitab selawat pada masa ini yang masyhur dalam kalangan para pengamalnya seperti kitab Dalā'il al-Khayrāt karya Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani. Ia adalah salah satu kitab yang paling banyak diterima dan diamalkan secara meluas (As-Sharnubi, 2018). Umat Islam digalakkan untuk berselawat ke atas Nabi Muhammad ﷺ sebagai salah satu cara untuk mendapatkan syafaatnya dan diampunkan dosa. Diriwayatkan daripada Buraid bin Abu Maryam, dia berkata; telah menceritakan kepada kami Anas bin Malik dia berkata; bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرَ صَلَوَاتٍ وَحُطَّتْ عَنْهُ عَشْرُ خَطِيئَاتٍ وَرُفِعَتْ لَهُ عَشْرٌ."

Maksudnya: “Barangsiapa berselawat kepadaku satu kali, maka Allah akan mengucapkan selawat kepadanya sepuluh kali, dihapuskan darinya sepuluh kesalahan, dan ia diangkat sepuluh darjat untuknya.”

(HR An-Nasa'i No: 1280)

Jika dilihat dari sudut lain, kitab ini dipenuhi dengan gaya bahasa retorik, pemilihan perkataan yang unik dan penyusunannya yang baik. Maka, pengkaji menumpukan kajiannya kepada penelitian makna kata berakarkan “*b-r-k*” dan kata terbitannya. Oleh itu, adalah berfaedah bagi setiap muslim untuk memahami bait selawat yang dilafazkan dalam bahasa Arab, malah amat digalakkan bagi umat Islam untuk berusaha mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.

Huraian Asal kata *B-R-K* (مادة ب ر ك) Dan Derivasinya

Menurut kamus Lisānul Arab (Manzur, 2010) kata *b-r-k* pada kata dasar بَرَكَ membawa maksud berlutut, tetap, berterusan dan tekun. Dalam seni bahasa Arab, makna sesuatu kata boleh berubah mengikut konteks ayat dan baris yang berlainan contohnya pada ayat بَرَكَ الْبَعِيرُ , ia membawa maksud seekor unta berlutut dan menekan bahagian dada dan perutnya ke tanah, manakala pada ayat lain seperti بَرَكَتِ السَّمَاءِ , ia bermaksud hujan yang turun berterusan, الرِّجُلُ بَرَكَ عَلَى الْأَمْرِ bermaksud lelaki itu tekun dalam urusannya. Frasa بَرَكَ عَلَيْهِ dan بَرَكَ فِيهِ bermaksud memohon keberkatan, manakala بِهْ بَرَكَ bermaksud optimis dan yang terakhir الْبَرَكَتُ , bermaksud pertumbuhan dan peningkatan.

Penggunaan kata ini tidak disebutkan dalam kitab Dalā'il al-Khayrāt, tetapi dapat dilihat penggunaannya dalam bentuk-bentuk lain yang berasal dari kata akar yang sama seperti (مبارك), (تبارك) (بارك), (بركة). Setiap perkataan dalam ilmu Bahasa Arab mempunyai pola dasar iaitu *wazan*, yang terdiri daripada tiga huruf asli iaitu fa fi'il "ف", ain fi'il "ع" dan lam fi'il "ل". Menurut kamus Lisanul Arab tulisan Ibnu Manzur (2010), terdapat beberapa derivasi kata yang berakarkan huruf (*b-r-k*). Pengkaji memfokuskan 10 derivasi perkataan dan mengategorikannya mengikut *wazan* berikut:

1) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَعَّلَ

Derivasi *b-r-k* yang dibina atas *wazan* فَعَّلَ ialah بَرَّكَ iaitu dengan menggunakan kata dasar بَرَكَ tetapi ditambah dengan baris syaddah (ّ) pada huruf tengah. Maka, ia memberi kesan yang lebih lagi pada maknanya. Sebagai contoh, kata بَرَّكَ bermaksud berkat, manakala بَرَكَ membawa bermaksud men-doakan seseorang keberkatan. *Wazan* ini digunakan jika ingin menukarkan sesuatu perbuatan atau kata kerja daripada kata kerja tidak transitif الفعل اللازم kepada kata kerja transitif الفعل المتعدي.

2) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تَفْعِيل

Derivasi pada kata التَّبَرُّكُ ini dibina atas *wazan* تَفْعِيل iaitu sebuah kata nama yang merupakan bentuk asal kepada kata kerja بَرَّكَ atau disebutkan sebagai مصدر bagi kata kerja tersebut. Menurut para ulama bahasa, tiada peraturan atau kaedah yang tetap mengenai bentuknya. Maka, kebanyakan kata nama ini hanya mengikut ukuran kebiasaan yang didengar penggunaannya oleh orang Arab.

3) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَاعَلَ

Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَاعَلَ menjadi kata بَارَكَ. Ia merupakan kata kerja *madhi* الماضي iaitu kata kerja yang sudah berlaku. Kata kerja ini sering digunakan sebagai ungkapan oleh orang Arab Muslim sebagai doa atau ucapan selamat iaitu "بَارَكَ اللهُ فِيكَ" yang bermakna, "semoga Allah memberkati kamu".

4) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تَفَاعَلَ

Derivasi perkataan atas *wazan* ini dapat dilihat pada kata تَبَارَكَ. Kata ini sering digunakan dalam frasa "تَبَارَكَ اللهُ" yang bererti "Maha Suci Allah", untuk menyatakan kekaguman, penghargaan dan penghormatan terhadap sesuatu, dan ia dianggap sebagai salah satu frasa umum dalam bahasa Arab klasik dan bahasa sehari-hari. Ia boleh digunakan dalam banyak konteks seperti perayaan, pengucapan tahniah dan dalam perihal mengambil berkat.

5) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تَفَاعُل

Derivasi kata ini menjadi تَبَارَكَ iaitu kata nama yang merupakan bentuk asal kepada kata kerja تَبَارَكَ atau disebutkan sebagai مصدر yang membawa maksud “mengambil berkat”.

6) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تَفَعَّل

Kata تَبَرَّكَ dibina atas *wazan* ini yang merupakan kata kerja madhi الماضي iaitu kata kerja yang sudah berlaku. Ia bermaksud "untuk mencari kebaikan dan berkat daripada Tuhan".

7) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تَفَعَّل

Derivasi kata تَبَرَّكَ dibina atas *wazan* ini. Ia adalah kata nama yang merupakan bentuk asal kepada kata kerja تَبَرَّكَ atau disebutkan sebagai مصدر yang membawa maksud “mengambil berkat”. Ia sering digunakan dalam frasa keagamaan, seperti “التَّبَرُّكُ بِالمَاءِ” dan “التَّبَرُّكُ بِالمَآكِنِ المَقَدَّسَةِ” bermaksud mengambil berkat melalui air atau tempat suci. Secara ringkasnya, ungkapan ini adalah suatu bentuk penghargaan, dan penghormatan terhadap apa yang dipercayai suci disisi agama Islam. Namun amalan bertabarak ini hendaklah disertakan dengan keyakinan bahawa Allah SWT sahajalah yang mengurniakan segala kebaikan dan tempat segala pengharapan (Ishak, 2022).

8) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* مُفَاعَل

Wazan kata مُبَارَكَ ini adalah isim maf'ul المفعول iaitu kata nama yang dibentuk untuk menerangkan sesuatu objek dari terjadinya sesuatu perbuatan. Kata ini ada digunakan pada ucapan perayaan “عيد مبارك”, maka ia membawa maksud hari perayaan yang diberkati.

9) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فِعْلَةٌ

Kata بَرَكَةٌ dibina atas *wazan* ini. Kata nama ini bermaksud kolah, bekas air atau telaga. Menurut kitab *Mufradat fi Gharib Al-Quran* (Asfahani, n.d), Raghīb Al-Asfahani mengaitkan sesuatu perkara itu mempunyai keberkatan kerana kebaikannya yang tetap pada perkara yang diberkati umpama tetapnya air di dalam bekas.

10) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَعَلَةٌ

Kata nama بَرَكَةٌ dibina atas *wazan* فَعَلَةٌ yang bererti pertumbuhan, nikmat dan keberkatan. Dalam agama Islam, ia bermaksud nikmat yang Allah SWT kurniakan kepada hamba-Nya. Amalan istighfar, taubat, sedekah, dan kejujuran adalah antara sebab yang membawa keberkatan dalam kehidupan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam mengumpul dan menganalisis data. Kajian ini memfokuskan kata kunci *b-r-k* dan *ishtiqaq* sebagai langkah untuk mendapatkan sorotan literatur berhubung elemen berkenaan yang terdapat di dalam karya Imam Al-Jazūli ini. Kajian ini menerapkan teori Ibnu Manzūr di dalam kamusnya Lisānul Arab sebagai landasan bagi derivasi huruf *b-r-k*, iaitu dengan memfokuskan 10 derivasi daripada kamus tersebut. Di samping itu, kajian literatur dalam skop penulisan bahasa Melayu, Inggeris dan Arab dimanfaatkan berdasarkan cakupan data kajian ilmiah yang diperolehi secara atas talian. Kajian ilmiah yang dimaksudkan di sini ialah buku, tesis, kertas kerja dan artikel jurnal.

Rangkaian kajian yang dilakukan akan dilaksanakan dalam empat tahap, iaitu: (1) Pengumpulan data, (2) Penyusunan data, (3) Penganalisan data, (4) Kesimpulan. Pengkaji menitikberatkan derivasi kata *b-r-k* yang terdapat dalam kitab Dalā'il Al-Khayrāt dengan model analisis kandungan (content analysis). Beberapa kata *b-r-k* dan derivasinya dikumpulkan melalui dokumentasi tertulis iaitu kitab Dalā'il Al-Khayrāt dan pedoman pencatatan data. Data tersebut seterusnya dianalisis secara kualitatif untuk mengkaji makna morfologi kalimat dan variasi maknanya secara grammatikal. Maka, pengkaji akan mengklasifikasikan bait-bait selawat tersebut mengikut derivasi perkataannya.

Analisis Data, Dapatan Dan Perbincangan

Bahasa Arab merupakan kaedah yang dinyatakan sebelum ini dilakukan, hasil kajian mendapati daripada 10 derivasi di dalam kamus Lisānul Arab yang difokuskan oleh pengkaji, terdapat hanya 4 derivasi kata yang berakar *b-r-k* dalam kitab Dalā'il al-Khayrāt iaitu:

1) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فاعل

Pengkaji mendapati kata *b-r-k* atas *wazan* فاعل yang berpola kata kerja *madhi* dan terdapat juga kata yang berpola kata kerja suruhan *amar*. Kedua-duanya adalah sebanyak (45) kata.

Kata kerja *madhi* iaitu بَارَكَ adalah sebanyak (19) kata iaitu pada hizb pertama sebanyak (8) kata pada bait yang ke 2, 3, 4, 8, 12, 14, 21 dan 37. Manakala pada hizb kedua, pengkaji mendapati sebanyak (3) kata, iaitu pada bait 12, 16 dan 134. Pada hizb ketiga, terdapat sebanyak (2) kata, iaitu pada bait 20 dan 37. Pada hizb keempat pula, terdapat sebanyak (2) kata juga, iaitu pada bait 18 dan 43. Pada hizb kelima, tiada sebarang bentuk kata yang berada atas *wazan* ini. Pada hizb keenam dan ketujuh, juga terdapat sebanyak (2) kata, iaitu pada bait 7 dan 8 bagi hizb keenam dan bait 5 dan 15 bagi hizb ketujuh.

Manakala derivasi kata atas *wazan* yang sama tetapi dalam bentuk kata kerja *amar* iaitu بَارِكْ adalah sebanyak (26) kata iaitu pada hizb pertama sebanyak (10) kata pada bait 2, 3, 4, 8, 12, 14, 21,

30, 37 dan 38. Pada hizb yang kedua sebanyak (2) kali pada bait 12 dan 16. Pada hizb ketiga, terdapat sebanyak (7) kata iaitu pada bait 4, 20, 32, 33, 34, 35 dan 37. Pada hizb keempat pula, terdapat sebanyak (3) kata iaitu pada bait 18, 20 dan 43. Pada hizb kelima, tiada sebarang bentuk kata yang berada atas *wazan* ini. Pada hizb keenam terdapat sebanyak (2) kata iaitu pada bait 7 dan 8 manakala bagi hizb ketujuh juga terdapat (2) kata iaitu pada bait 5 dan 15. Namun, di dalam konteks ini, kata kerja *amar* bukanlah bermaksud suruhan hamba kepada Allah untuk memberi berkah kepada Nabi Muhammad ﷺ, tetapi sebagai doa seorang hamba kepada-Nya untuk melimpahkan keberkatan terhadap Nabi Muhammad ﷺ dan kaum kerabatnya. Contoh dapatan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فاعل

No	Hizb	Bait	Selawat
1	1	2	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.</p> <p>Terjemahan: Ya Allah, limpahkanlah ta'zhim atas Nabi Muhammad, isteri-isteri Beliau dan keturunannya sebagaimana Engkau melimpahkan rahmat atas Nabi Ibrahim a.s, dan limpahkanlah berkah atas Nabi Muhammad sebagaimana Engkau melimpahkan rahmat atas Nabi Ibrahim a.s Sesungguhnya Engkau adalah Maha terpuji dan mulia</p>
		3	<p>اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.</p> <p>Terjemahan: Ya Allah, limpahkanlah ta'zhim atas Nabi Muhammad dan atas keluarganya sebagaimana Engkau melimpahkan rahmat atas Nabi Ibrahim a.s dan limpahkanlah berkah atas Nabi Muhammad dan atas keluarganya sebagaimana Engkau melimpahkan rahmat atas Nabi Ibrahim a.s. Diseluruh alam sesungguhnya Engkau adalah Maha terpuji dan mulia</p>
		8	<p>اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.</p> <p>Terjemahan: Ya Allah, limpahkanlah berkah atas Nabi Muhammad dan keluarganya sebagaimana Engkau melimpahkan rahmat atas Nabi Ibrahim a.s dan keluarganya sesungguhnya Engkau adalah Maha terpuji dan mulia</p>

2) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* تَفَاعَلْ

Pengkaji mendapati perkataan yang mempunyai bentuk derivasi ini adalah pada satu tempat sahaja iaitu pada hizb ketujuh bait 9 yang merupakan potongan doa pujian kepada Allah SWT sepertimana yang dijelaskan sebelum ini bahawa *wazan* berbentuk ini adalah untuk menyatakan kekaguman, penghargaan dan penghormatan terhadap keagungan Allah yang sentiasa mendengar doa-doa hamba-Nya. Selawat tersebut berbunyi:

"يَا جَبَّارُ يَا قَادِرُ يَا قَوِيُّ تَبَارَكْتَ يَا عَظِيمُ تَعَالَيْتَ يَا عَلِيمُ سُبْحَانَكَ يَا عَظِيمُ سُبْحَانَكَ يَا جَلِيلُ، أَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ الْعَظِيمِ
 التَّامِ الْكَبِيرِ أَنْ لَا تُسَلِّطَ عَلَيْنَا جَبَّارًا عَنِيدًا"

Terjemahan: Wahai Tuhan yang Maha Memaksa, wahai yang Maha Kuasa, wahai yang Maha Kuat, dengan berkah Engkau yang Maha Agung dengan keluhuran Engkau yang Maha Mengetahui, dengan kesucian Engkau yang Maha Agung, dengan kesucian Engkau yang Maha Besar, kami memohon kepada-Mu dengan nama-Mu yang Agung yang Sempurna, yang Besar, janganlah Engkau kuasakan kepada kami orang yang sombong dan keras kepala.

3) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَعَلَّةُ

Pengkaji mendapati kata *b-r-k* atas *wazan* فَعَلَّةُ iaitu بَرَكَةٌ adalah sebanyak (4) kata iaitu pada hizb pertama pada bait yang ke-30. Pada hizb ketiga pada bait 31. Pada hizb keempat pula, terletak di bait 16. Dan terakhir terletak di hizb ketujuh pada bait 12. Mankala pada hizb kedua, kelima dan keenam, tiada sebarang bentuk kata yang berada atas *wazan* ini. Sepertimana yang diperlihatkan di dalam jadual berikut:

Jadual 2: Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَعَلَّةُ

No	Hizb	Bait	Selawat
1	1	30	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ الصَّلَاةِ شَيْءٌ، وَارْحَمْ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا وَآلَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ الرَّحْمَةِ شَيْءٌ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ الْبَرَكَاتِ شَيْءٌ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ السَّلَامِ شَيْءٌ. Terjemahan: Ya Allah, limpahkanlah rahmat ta'zhim atas Nabi Muhammad ﷺ dan atas keluarga baginda sehingga tidak tertinggal sedikitpun. Limpahkanlah kesejahteraan atas Nabi Muhammad ﷺ dan keluarganya sehingga tidak tertinggal sedikitpun.

Selain itu, pengkaji juga mendapati kata *b-r-k* atas *wazan* فَعَلَاتٍ iaitu kata nama *jama'* جمع bagi فَعْلَةٌ adalah sebanyak (7) kata iaitu pada hizb pertama sebanyak (2) kata pada bait 15 dan 18. Pada hizb yang keempat sebanyak (2) kata pada bait 3 dan 35. Pada hizb kelima, terdapat pada bait 15. Pada hizb keenam pula pada bait 8. Pada hizb ketujuh pada bait pertamanya. Maka pada hizb kedua dan ketiga tiada kata yang mempunyai *wazan* ini.

Jadual 3: Derivasi *b-r-k* atas *wazan* فَعَلَاتٍ berbentuk kata nama *jama'*

No	Hizb	Bait	Selawat
1	1	15	<p>اللَّهُمَّ دَاجِيَ الْمَدْحُورَاتِ وَبَارِئِ الْمَسْمُوكَاتِ وَجِبَارِ الْقُلُوبِ عَلَى فِطْرَتِهَا شَقِيحًا وَسَعِيدِيهَا إِجْعَلْ شَرَائِفَ صَلَوَاتِكَ وَنَوَامِي بَرَكَاتِكَ وَرَأْفَةَ تَحَنُّنِكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ الْفَاتِحِ لِمَا أُغْلِقَ</p> <p>Terjemahan: Ya Allah Yang Maha luas pemberiannya, Pencipta yang tinggi (langit), Maha Pemaksa Hati atas Fitrah-Nya, celaka mahupun bahagia, jadikanlah kemuliaan selawatMu, bertambah berkahMu, kelembutan kasih sayangMu atas Nabi Muhammad, hamba dan utusanMu sebagai pembuka kepada sesuatu yang terkunci.</p>
		18	<p>اللَّهُمَّ اجْعَلْ صَلَوَاتِكَ وَبَرَكَاتِكَ وَرَحْمَتَكَ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَخَاتِمِ النَّبِيِّينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، إِمَامِ الْخَيْرِ، وَقَائِدِ الْخَيْرِ وَرَسُولِ الرَّحْمَةِ</p> <p>Terjemahan: Ya Allah jadikanlah selawatMu, berkahMu dan rahmatMu terlimpah atas Baginda Rasul, imam orang-orang yang bertaqwa, penutup para Nabi iaitu Nabi Muhammad ﷺ yang menjadi hambaMu, utusanMu dan pembawa rahmat.</p>

4) Derivasi *b-r-k* atas *wazan* مُفَاعَلٍ

Pengkaji mendapati kata yang mempunyai bentuk derivasi ini adalah pada hizb ketujuh iaitu pada bait 6 yang berbunyi:

"وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَدُرَيْتِهِ الْمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الْأَكْرَمِينَ وَأَزْوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ صَلَاةً مَوْصُولَةً تَنْرَدُّ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ"

Terjemahan: Dan rahmat Allah mudah-mudahan tetap atas Baginda Nabi Muhammad ﷺ dan keluarganya yang baik-baik dan atas keturunannya yang diberkati dan atas

sahabatnya yang mulia dan atas isteri-isterinya, ibu dari orang mukmin, iaitu rahmat yang terus menerus dan diulang-ulang hingga hari kiamat.

Maka artikel ini sedikit sebanyak memberi impak terhadap bidang bahasa Arab dengan memperlihatkan kepentingan penguasaan morfologi Arab melalui karya Imam Al-Jazūli ini yang dapat dilihat melalui penguasaan kosa kata dari aspek pengetahuan makna dan penggunaannya. Aspek ini merupakan salah satu penyumbang utama di peringkat pembelajaran contohnya bagi pelajar yang ingin menguasai bahasa Arab iaitu antara bahasa yang banyak dipelajari di Malaysia meskipun mereka bukanlah penutur jati bahasa Arab. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Rosni Samah (2009), ramai sarjana Arab yang berpendapat bahawa pengajaran bahasa Arab terhadap pelajar bukan penutur jati Arab seharusnya bermula dengan pembelajaran dan pengajaran kosa kata. Artikel ini diharap dapat menjadi rujukan dan membantu pelajar yang sering menghadapi kesukaran yang berpunca daripada kegagalan mengetahui makna kosa kata yang merupakan asas bagi sesebuah bahasa.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, derivasi *kata b-r-k* di dalam syair Imam Al-Jazūli, iaitu pada kitab *Dalā'il Al-Khayrāt* terdapat sebanyak 4 jenis derivasi, iaitu: 1) Derivasi *b-r-k* atas *wazan فاعل*, 2) Derivasi *b-r-k* atas *wazan تفاعل*, 3) Derivasi *b-r-k* atas *wazan فَعْلَةٌ*, 4) Derivasi *b-r-k* atas *wazan مُفَاعَل*. Jumlah keseluruhan bagi derivasi *b-r-k* (ب ر ك) ini adalah sebanyak (58) kata. Maka, kajian ini menunjukkan sistem derivasi banyak menyumbang kepada pengembangan bahasa Arab dan membuktikan bahawa bahasa ini kaya dengan kosa kata sekaligus melambangkan kekayaan maknanya. Oleh itu, pentingnya perbincangan derivasi dalam bahasa Arab jika dilihat kepada fungsinya yang membantu memperkaya kosa kata melalui pemahaman proses pembentukan kata yang berlainan. Kajian seperti ini juga memudahkan pembelajaran Al-Quran, hadis atau teks-teks Arab kerana banyak perkataan dalam kedua sumber tersebut berasal dari akar kata tertentu yang dapat difahami melalui kajian derivasi.

Rujukan

Asfahani, A.-R. (N.D). *Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Lubnan: Darul Makrifah.

As-Sharnubi, A. M. (2018). *Dalail Al-Khairat Wa Shawariqul Anwar Fi Zikri Solatu Ala An-Nabi Al-Mukhtar*. Mesir: Kashida Publication And Distribution.

Hanif, A. (2016). Sistem Derivasi (الإشتقاق) Dalam Bahasa Arab Dan Urgensinya Dalam Pengajaran Bahasa. *Ta'dib*, 15(1).

Ishak, A.-H. (2022, Disember 3). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved From Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-730: Amalan Mengambil Berkah (Tabarruk) Menurut Islam: <https://bit.ly/40abfbd>

Manzur, I. (2010). Lisanul Arab. Beirut: Darul Ihya At-Turath.

Rosni, S. (2009). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai.

Said, L. Y. (2021). Al-Washfu (Kata Sifat) Dalam Bahasa Arab Dan Derivasinya. Jurnal Al-Hikmah, 20-29.

Lampiran

1) **Jadual 1: Derivasi *b-r-k* atas *wazan فاعل***

No	Hizb	Bait	Selawat
1	1	2	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		3	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		4	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		8	اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		12	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَارْحَمْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَآلَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ وَرَحِمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		14, 21	اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		37	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
2	2	12	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		16	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Muhammad Irfan Bin Mhd Rusdi & Aula Nabilah Binti Janudin
 Analisis Asal Kata B-R-K (ب ر ك) Dan Derivasinya Dalam Syair Imām Al-Jazūli Al-Ḥasani

		134	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ وَرَحَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ
3	3	20	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ
		37	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَارْحَمْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَآلَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ وَرَحَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ
4	4	18	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَارْحَمْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَآلَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ وَرَحَّمْتَ وَبَارَكْتَ وَتَرَحَّمْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		43	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
5	6	7	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
		8	اللَّهُمَّ اجْعَلْ صَلَوَاتِكَ وَبَرَكَاتِكَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا جَعَلْتَهَا عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
5	7	5	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		15	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، وَبَارِكْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ كَمَا صَلَّيْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Derivasi b-r-k atas wazan *فَاعِل* berbentuk kata kerja suruhan

No	Hizb	Bait	Selawat
1	1	2	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ؛ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		3	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		4	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

		8	اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		12	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَارْحَمْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَآلَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ وَرَحَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		14, 21	اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		30	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ الصَّلَاةِ شَيْءٌ، وَارْحَمْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَآلَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ الرَّحْمَةِ شَيْءٌ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ الْبَرَكَاتِ شَيْءٌ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ حَتَّى لَا يَبْقَى مِنَ السَّلَامِ شَيْءٌ.
		37	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		38	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ نَبِيِّكَ وَرَسُولِكَ وَسَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ خَلِيلِكَ وَصَفِيِّكَ
2	2	12	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
		16	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.
3	3	4	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ وَأَزْوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ وَذُرِّيَّتِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ صَلَاةً وَسَلَامًا لَا يُحْصَى عَدْدُهُمَا وَلَا يَنْقَطِعُ مَدَدُهُمَا
		20	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ
		32	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَكْرَمَ خَلْقِكَ وَسِرَاجِ أَفْقِكَ وَأَفْضَلَ قَائِمِ بِحَقِّكَ الْمُبْعُوثِ بِنَبِيِّرِكَ وَرَفُوكَ صَلَاةً يَتَوَالَى تَكَرَّرَ هَا وَتَلَوُحُ عَلَى الْأَكْوَانِ أَنْوَارُهَا
		33	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلَ مَمْدُوحٍ بِقَوْلِكَ وَأَشْرَفِ دَاعٍ لِلْإِعْتِصَامِ بِحَبْلِكَ وَخَاتَمِ أَنْبِيَائِكَ وَرُسُلِكَ صَلَاةً تُبَلِّغُنَا فِي الدَّارَيْنِ عِمِيمِ فَضْلِكَ وَكَرَامَةِ رِضْوَانِكَ وَوَصْلِكَ
		34	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَكْرَمَ الْكُرَمَاءِ مِنْ عِبَادِكَ وَأَشْرَفِ الْمُتَدَائِنِ لِطُرُقِ رِشَادِكَ وَسِرَاجِ أَفْطَارِكَ وَبِلَادِكَ صَلَاةً لَا تَفْنَى وَلَا تَبِيدُ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا كَرَامَةَ الْمَرْيَدِ
		35	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَكْرَمَ الْكُرَمَاءِ مِنْ عِبَادِكَ وَأَشْرَفِ الْمُتَدَائِنِ لِطُرُقِ رِشَادِكَ وَسِرَاجِ أَفْطَارِكَ وَبِلَادِكَ صَلَاةً لَا تَفْنَى وَلَا تَبِيدُ وَتُبَلِّغُنَا بِهَا كَرَامَةَ الْمَرْيَدِ صَلَاةً لَا تَنْقَطِعُ أَبَدًا وَلَا تَفْنَى سَرْمَدًا وَلَا تَنْحَصِرُ عَدَدًا

4	7	12	فَأَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ أَنْ تَمْحُوَ مِنْ قَلْبِي كُلَّ شَيْءٍ تَكْرَهُهُ وَأَنْ تَحْشُرَ قَلْبِي مِنْ خَشْيَتِكَ وَمَعْرِفَتِكَ وَرَهْبَتِكَ وَالرَّغْبَةِ فِيمَا عِنْدَكَ وَالْأَمْنِ وَالْعَافِيَةِ وَاعْطِفْ عَلَيْنَا بِالرَّحْمَةِ وَالْبَرَكَاتِ مِنْكَ وَاللَّهُمَّ الصَّوَابَ وَالْحِكْمَةَ
---	---	----	---

3) **Jadual 4: Derivasi *b-r-k* atas *wazan* **فَعَلَات** berbentuk kata nama *jama'***

No	Hizb	Bait	Selawat
1	1	15	اللَّهُمَّ دَاجِي الْمَدْحُوتَاتِ وَبَارِي الْمَسْمُوكَاتِ وَجَبَّارَ الْقُلُوبِ عَلَى فِطْرَتِهَا شَقِيهَا وَسَعِيدِهَا اجْعَلْ شَرَائِفَ صَلَوَاتِكَ وَنَوَامِي بَرَكَاتِكَ
		18	اللَّهُمَّ اجْعَلْ صَلَوَاتِكَ وَبَرَكَاتِكَ وَرَحْمَتِكَ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَخَاتِمِ النَّبِيِّينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ، إِمَامِ الْخَيْرِ، وَقَائِدِ الْخَيْرِ وَرَسُولِ الرَّحْمَةِ
2	4	3	اللَّهُمَّ اجْعَلْ فَضَائِلَ صَلَوَاتِكَ وَشَرَائِفَ زَكَوَاتِكَ وَنَوَامِي بَرَكَاتِكَ وَعَوَاطِفَ رَافِعَتِكَ وَرَحْمَتِكَ وَ تَحِيَّاتِكَ وَفَضَائِلَ آيَاتِكَ عَلَى مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ
		35	اللَّهُمَّ أبلغه منَّا السلام كما ذكر السلام و السَّلام على النَّبِيِّ وَرَحْمَةَ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
3	5	15	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ عَدَدَ نَبَاتِ الْأَرْضِ مِنْ قِبَلَتِهَا وَشَرْقِيهَا وَغَرْبِيهَا وَسَهْلِيهَا وَ جِبَالِيهَا وَأُودِيَّتِيهَا وَأَشْجَارِهَا وَثِمَارِهَا وَأُورَاقِهَا وَزُرُوعِهَا وَجَمِيعِ مَا يَخْرُجُ مِنْ نَبَاتِهَا وَ بَرَكَاتِهَا مِنْ يَوْمِ خَلَقْتَ الدُّنْيَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ فِي كُلِّ يَوْمٍ أَلْفَ مَرَّةٍ
4	6	8	اللَّهُمَّ اجْعَلْ صَلَوَاتِكَ وَبَرَكَاتِكَ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا جَعَلْتَهَا عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَ عَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ
5	7	1	وَأَنْ تُصَلِّيَ عَلَيْهِ وَ عَلَى آلِهِ عَدَدَ نَبَاتِ الْأَرْضِ فِي قِبَلَتِهَا وَ جَوْفِهَا وَ شَرْقِيهَا وَ غَرْبِيهَا وَ سَهْلِيهَا وَ جِبَالِيهَا مِنْ شَجَرٍ وَ ثَمَرٍ وَ أُورَاقٍ وَ زُرْعٍ وَ جَمِيعِ مَا أَخْرَجْتَ مِنْهَا وَ مَا يَخْرُجُ مِنْ نَبَاتِهَا وَ بَرَكَاتِهَا مِنْ يَوْمِ خَلَقْتَ الدُّنْيَا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ فِي كُلِّ يَوْمٍ أَلْفَ مَرَّةٍ